

12 MAR 1997

Terengganu-Elektronik

PERUNTUKAN RM400,000 UNTUK LENGKAPKAN JABATAN KERAJAAN

KUALA TERENGGANU, 12 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri Terengganu memperuntukkan sebanyak RM400,000 untuk melengkapkan jabatan-jabatan kerajaan dengan peralatan elektronik bagi melaksanakan pertadbiran awam elektronik mulai September ini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata pelaksanaan sistem itu dapat mengurangkan tenaga kerja di samping memudahkan perhubungan antara kakitangan awam untuk menguruskan sesuatu perkara.

"Kerajaan juga akan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi selain membantu para pelabur dalam banyak industri di sini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri di Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Projek perintis kerajaan elektronik dalam perkhidmatan awam akan dilaksanakan September ini dengan pengenalan kiosk elektronik di beberapa tempat tumpuan orang ramai. Kiosk itu dapat membantu memudahkan orang ramai berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan seperti pembayaran bil, denda, permohonan pasport dan pembaharuan lesen.

Wan Mokhtar juga berkata selaras dengan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kerajaan negeri turut menyediakan pelbagai kemudahan bagi memastikan Terengganu tidak ketinggalan dengan perkembangan teknologi maklumat itu.

Sebagai permulaan, beliau berkata semua Exco Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri akan mengikuti kursus komputer dan internet selama dua hari bulan depan bagi mendedahkan mereka dengan sistem elektronik.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri juga sedang mempertimbangkan cadangan mewujudkan sebuah bandar elektronik yang lengkap dengan kemudahan MSC yang memerlukan perbelanjaan besar.

Ketika mengulas dakwaan PAS kononnya rahsia negara akan bocor melalui penggunaan Internet, beliau berkata kerajaan sedang menggubal undang-undang siber untuk menyekat kebocoran rahsia kerajaan daripada bocor.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sudah menyatakan bahawa ada undang-undang yang akan digubal bagi mengatasi masalah itu," katanya.

Mengenai masalah sosial, Wan Mokhtar berkata banyak data telah dikumpulkan pada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Mengenai Masalah Sosial pada 9 Mac lepas dan kerajaan negeri sedang membuat tindakan susulan daripada laporan itu.

"Yang penting ialah ketahanan diri sendiri dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara, jika diharapkan undang-undang sahaja ia tidak berkesan kerana perkara itu (masalah sosial) datangnya daripada diri individu," katanya. -- BERNAMA

SBS NAK